

02 APR 2001

Parlimen-Tunda

PEMBANGKANG MAHU PERBAHASAN RANGKA RANCANGAN JANGKA PANJANG DITUNDA

KUALA LUMPUR, 2 April (Bernama) -- Persidangan Dewan Rakyat hari ini terganggu kira-kira 20 minit apabila beberapa anggota Parlimen DAP bertikam lidah dengan pihak kerajaan meminta supaya pembentangan Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (2001-2010) (RRJP-3) dan Dasar Wawasan Negara yang dijadualkan esok ditunda.

Persidangan sesi petang sepatutnya dimulakan oleh Timbalan Menteri Penerangan Datuk Khalid Yunus yang menyambung penggulungan perbincangan usul terima kasih titah Yang di-Pertuan Agong bagi kementerian itu tertangguh apabila Kerk Kim Hock (DAP-Kota Melaka) bangun menggunakan Peraturan 14(1) meminta menteri yang ada di dewan pada masa itu memberi penjelasan berhubung dokumen RRJP-3 yang dikatakan lewat diberikan kepada anggota Parlimen.

Kerk juga meminta jadual Aturan Mesyuarat esok yang menjadualkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membentangkan RRJP-3 ditukar kerana anggota Parlimen baru menerima dokumen itu tengah hari ini.

Kerk berkata, anggota Parlimen memerlukan masa sekurang-kurangnya tiga hari untuk membaca dan memahami isi kandungan dokumen itu sebelum membahaskannya.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Rais Yatim kemudian bangun dan menyatakan bahawa Peraturan 14(1) yang digunakan itu tidak menyatakan tempoh tertentu untuk sesuatu dokumen diberi sebelum pembentangannya.

Timbalan Speaker Datuk Lim Si Cheng setelah mendengar jawapan Rais mengarahkan Khalid bangun untuk meneruskan penggulangannya.

Ini menyebabkan anggota Parlimen DAP Tan Kok Wai (Cheras), Lim Hock Seng (Bagan), Chong Eng (Bukit Mertajam) dan Fong Po Kuan (Batu Gajah) bangun menyuarakan rasa tidak puas hati masing-masing.

Timbalan Speaker bagaimanapun meminta semua anggota dewan yang terlibat bertenang dan mengarahkan Khalid meneruskan penggulangannya.

-- BERNAMA

NM HS AKD